

# 'Matlamat ASEAN wujudkan suasana aman di rantau ini'

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Hussein Onn menegaskan malam ini, bahawa ASEAN yang semata-mata bertujuan mewujudkan suasana aman, bebas dan berkecuali di rantau ini, tidak pernah mengancam manamana negara.

Malaysia, kata Datuk Hussein, amat yakin akan kebajikan dan faedah pertubuhan itu.

"Oleh itu kami harap kuasa-kuasa besar akan menghormati perasaan kami dalam soal ini, dan sebab itulah kami tidak ingin sama sekali melibatkan diri atau ditarik masuk ke dalam kenebak sengek atau persaingan kuasa-kuasa besar."

Menurut Datuk Hussein menjelaskan falsafah Malaysia itu ketika berucap di majlis jamuan di Bangunan Parlimen bagi meraikan Perdana Menteri Republik Sosialis Vietnam, Enik Pham Van Dong, yang sedang melakukan lawatan ke Malaysia.

Menurut Datuk Hussein, kepercayaan ASEAN sudah terjuli sejak beberapa tahun ini dan ia sudah terbukti sebagai satu contoh yang amat praktikal di bidang kerjasama serantau lebih-lebih lagi di lapangan perdagangan, perhubungan, perubuhan dan kebudayaan.

## Dayausaha

Oleh kerana keamanan dan kestabilan adalah sesuatu yang amat penting bagi negara-negara ASEAN, maka tentulah ASEAN perlu mengambil dayausaha bagi mewujudkan satu rantau aman, bebas dan berkecuali di kawasan Asia Tenggara ini.

Datuk Hussein kemudian memberitahu Enik Pham bahawa lawatan beliau ini adalah benda satu detik bersejarah dalam usaha mewujudkan perhubungan dan persahabatan antara kedua negara.

Rundingan kita hari ini amatlah berguna dan saya menanti-nantikan rundingan kita, yang kedua Abad ini, kata Datuk Hussein.

Kata beliau lagi, Malaysia sebuah negara yang cintakan damai dan sebab itu ia sedia bersahabat dengan

pengalaman dan teknologi yang ada padanya.

"Kita sudahpun memulakan usaha ini iaitu dibidang perubuhan getah."

Datuk Hussein berkata, dalam usaha merapatkan lagi hubungan antara kedua negara, Malaysia lebih yakin kepada cara sedikit demi sedikit.

## Bersetuju

Hubungan dan lawatan bukan sahaja di peringkat pemimpin tetapi juga di peringkat pegawai hendaklah diadakan lebih kerap bagi menyemaiakan semangat muhibbah dan persahabatan.

"Kita hendaklah berusaha menghapuskan segala perasaan bimbang atau syak

wasangka di antara kita, bukan sahaja dengan perhubungan tetapi dengan perbuatan juga," kata Datuk Hussein.

Datuk Hussein kemudian menenggal para hadirin untuk minum selamat kepada pemimpin Vietnam itu.

Sementara itu, dalam rundingan pertama antara Datuk Hussein dan Enik Pham Van Dong, Malaysia dan Vietnam bersetuju memperluaskan lagi hubungan perdagangan dan ekonomi antara kedua negara.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zakaria Ali memberitahu pemberita, rundingan tertutup selama hampir sejam itu telah berkisar kepada perkara-perkara dua

hala yang berkaitan dengan kedua-dua buah negara.

Katanya, rundingan itu telah berjalan dalam suasana mesra dan penuh persahabatan di mana kedua-dua belah pihak bertukar-tukar pandangan mengenai cara-cara mempertingkatkan lagi hubungan yang sedia terjalin.

Tan Sri Zakaria berkata kedua-dua Perdana Menteri itu telah mengangap rundingan tersebut sebagai sangat berfaedah sementara kunjungan itu melambangkan hasrat kedua-dua negara untuk memperkukuhkan hubungan yang sedia wujud.

Kedua-dua orang pemimpin itu juga percaya bahawa persahabatan yang wujud antara kedua-dua buah negara akan dapat membantu menghapuskan pe-

rasaan kurang percaya antara satu sama lain.

Katanya, persahabatan dan kepercayaan bersama sumpama itu akan juga memberi sumbangan terhadap keamanan dan kestabilan di rantau ini.

## Kepercayaan

Menurut Tan Sri Zakaria, kedua-dua orang pemimpin itu berpendapat dalam usaha hendak memperkukuhkan hubungan persahabatan, kedua-dua negara mestilah menghormati kedaulatan dan kewibawaan antara satu sama lain serta tidak campurtangan dalam urusan dalam negeri masing-masing.

Pagi ini Enik Pham Van Dong pagi ini melawat Raja Permaisuri Negara di sini.

Beliau telah diiringi oleh Menteri Perubuhan Awam, Enik Abdul Manan Othman.

Enik Pham telah meletakkan kalungan bunga di Tugu Tu dan bertafakur sebagai menghormati mereka yang gugur kerana negara dan rakyat.

Beliau telah juga menandatangani buku lawatan tugu tersebut. Kemudian Yang Dipertuan Agung hari ini berkenan menerima mengadap bakal Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke India, Enik Mon Jamaluddin di Istana Negara di sini.

Enik Mon, yang diiringi oleh isterinya telah menerima surat watikanya dari Seri Paduka Tuut berangkat di majlis itu ialah Raja Permaisuri Agung.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. 42 - 1438  
No. fon - 1109/80